

09/06/2004

Perpustakaan digital Islam antara agenda IAP

By Khairul Anuar Abdul Samad

MESYUARAT Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) dijangka diadakan pada akhir Ogos ini antaranya dijangka akan menumpukan kepada projek membangunkan perpustakaan digital Islam.

Ketua Penyelidik, Sun Microsystems Inc (Sun), John Gage, berkata usaha ini sepatutnya sudah bermula selepas idea itu dikemukakan pada IAP 2001 lagi, namun tidak dapat dilaksanakan akibat berlakunya keganasan selepas itu iaitu, tragedi 11 September di Amerika Syarikat.

Katanya, beliau akan mengetengahkan idea ini pada mesyuarat IAP nanti kerana mendapati sistem rangkaian perpustakaan ini membolehkan pelajar khususnya kanak-kanak di semua madrasah, masjid atau sekolah agama menggunakan bahan yang tidak ada atau tersedia melalui sistem rangkaian sebelum ini.

"Setiap negara berminat untuk melakukannya bagi memastikan bahan berkonsepkan islam ini dapat diakses melalui sistem rangkaian.

"Projek ini dijangka membabitkan pihak perpustakaan, universiti daripada jabatan perubatan dijangka akan terbabit dalam projek ini sekiranya dilaksanakan pada masa depan nanti.

"Projek ini akan saya bentangkan nanti untuk pertemuan dengan anggota IAP nanti supaya ia dapat dilaksanakan segera," katanya pada pertemuan eksklusif dengan media Malaysia, di Persidangan SunNetwork 2004, di Shanghai, Khamis lalu.

Acara ini adalah persidangan Sun pertama terbesar pernah diadakan di Asia dengan membabitkan kira-kira 5,000 delegasi daripada pelbagai syarikat antarabangsa di samping penyertaan 200 wartawan seluruh dunia.

Gage yang turut menjadi anggota IAP memberi jaminan akan menghadiri mesyuarat yang dijangka akan diadakan pada akhir Ogos, sekali gus akan cuba mengetengahkan usaha membangunkan perpustakaan digital Islam itu.

Ditanya mengenai perkembangan MSC, beliau menegaskan ia adalah satu projek yang hebat berdasarkan keupayaannya untuk menghasilkan jumlah tenaga mahir serta peluang pekerjaan kepada masyarakat negara ini.

"Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed memang seorang yang bijak dan boleh dianggap sebagai 'Pengurus Projek Terhebat Dunia' dan perkembangan ini dijangka akan diteruskan oleh penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

Walaupun tidak begitu mengenali secara dekat Perdana Menteri baru, beliau tetap yakin Abdullah akan meneruskan kesinambungan yang sudah dilaksanakan oleh Dr Mahathir untuk kejayaan MSC.

"Kejayaan MSC haruslah diberi perhatian dengan sepenuhnya oleh negara jiran Malaysia seperti Thailand dan Filipina berdasarkan kepada keunggulan khususnya dalam menarik kemasukan syarikat antarabangsa melabur ke negara ini," katanya.

(END)